



**SIARAN MEDIA**  
**Kementerian Kewangan dan Ekonomi**  
**Negara Brunei Darussalam**

Tarikh: 02hb., Oktober 2021

1. Kementerian Kewangan dan Ekonomi (MOFE) dengan ini sukacita memaklumkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telahpun mengurniakan titah perkenan bagi **BANTUAN BERUPA KEWANGAN DIHULURKAN KEPADA TIGA GOLONGAN PEKERJA DI SEKTOR SWASTA YANG TERKESAN DARI PANDEMIK COVID-19.**
2. Tiga golongan yang dimaksudkan berkenaan adalah:
  - 2.1 Mereka yang kehilangan pekerjaan dimana pemberhentian adalah disebabkan oleh impak pandemik COVID-19 kepada syarikat dan bukan disebabkan oleh tindakan disiplin yang dikenakan oleh pihak syarikat atau pekerja berkenaan berhenti sendiri.
  - 2.2 Mereka yang dicutikan tanpa gaji melebihi tujuh (7) hari samada disebabkan oleh impak pandemik COVID-19 kepada syarikat yang berkenaan atau dikeluarkan *Quarantine Order* (QO) oleh Kementerian Kesihatan; dan
  - 2.3 Mereka yang bekerja sendiri (*self-employed or freelance*);
3. Bantuan khas kewangan ini adalah untuk memastikan kesejahteraan rakyat dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam khususnya mereka yang bekerja dengan sektor swasta yang terkesan dari pandemik COVID-19 yang mendapat gaji pokok \$1,500.00 dan ke bawah sebulan; dan untuk menolong sektor swasta dalam memperbaiki aliran tunai perniagaan dalam menangani impak pandemik COVID-19. Bantuan ini tidak termasuk mereka yang bekerja di sektor awam dan Syarikat-Syarikat Berkaitan Kerajaan (*Government Linked Companies*).
4. Tatacara dan kriteria untuk mendapatkan bantuan adalah seperti berikut:
  - 4.1 Bagi Pekerja yang kehilangan pekerjaan dan dicutikan tanpa gaji sebagaimana yang saya nyatakan tadi:
    - 4.1.1 Permohonan perlulah dihadapkan melalui Sistem Kebajikan Negara (SKN) yang telah diubah khas untuk memproses permohonan yang



**SIARAN MEDIA**  
**Kementerian Kewangan dan Ekonomi**  
**Negara Brunei Darussalam**

dimaksudkan dan boleh diakses melalui laman sesawang [www.skn.gov.bn](http://www.skn.gov.bn).

- 4.1.2 Mereka hendaklah berdaftar dan mencarum secara aktif dengan TAP sehingga sekurang-kurangnya bulan Julai 2021;
- 4.1.3 Surat akuan dari majikan hendaklah di muat naik (*upload*) kedalam SKN dimana surat berkenaan hendaklah menyatakan tarikh bermula mereka diberhentikan, dimana pemberhentian mereka adalah disebabkan oleh impak pandemik COVID-19 kepada syarikat dan bukannya disebabkan oleh tindakan disiplin yang dikenakan oleh pihak syarikat atau pekerja berkenaan berhenti sendiri; dan
- 4.1.4 Bagi Pekerja yang dicutikan tanpa gaji melebihi tujuh (7) hari sama ada disebabkan oleh impak pandemik COVID-19 kepada syarikat yang berkenaan atau dikeluarkan *Quarantine Order* (QO) oleh Kementerian Kesihatan. Surat dari majikan yang menjamin pekerjaan mereka setelah situasi kembali seperti biasa dan screenshot *Quarantine Order* (QO) dari Aplikasi BruHealth hendaklah di muat naik (*upload*) ke dalam SKN;
- 4.2 Manakala bagi mereka yang bekerja sendiri (*self-employed or freelance*) adalah dinasihatkan untuk menghadapkan permohonan melalui SKN untuk mendapatkan elaun Bantuan Kebajikan Bulanan (BKB) yang boleh di akses melalui laman sesawang [www.skn.gov.bn](http://www.skn.gov.bn); yang mana pihak Kementerian Kewangan dan Ekonomi akan bekerjasama dengan Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) bagi memastikan permohonan ini diproses mengikut tempoh yang bersesuaian.
- 4.3 Video panduan yang lengkap mengenai tatacara membuat **PERMOHONAN BANTUAN COVID-19 MELALUI SKN** boleh di akses melalui saluran Youtube SKN Brunei.



**SIARAN MEDIA**  
**Kementerian Kewangan dan Ekonomi**  
**Negara Brunei Darussalam**

5. Manakala bagi pekerja yang kembali berkhidmat selepas dicutikan tanpa gaji bagi tempoh melebihi 7 hari, majikan bolehlah mendapatkan bantuan subsidi pembayaran gaji sebanyak 30% untuk tempoh tiga (3) bulan dari pekerja berkenaan kembali bekerja dimana pemberian ini adalah tertakluk kepada penilaian Kementerian Kewangan dan Ekonomi dari masa ke semasa.
6. Kadar bantuan-bantuan kewangan yang akan dihulurkan dibahagikan kepada dua (2) kategori seperti berikut:
  - 6.1 Bagi mereka yang berstatus bujang, bantuan akan diberikan sebanyak B\$250.00 sebulan;
  - 6.2 Bagi mereka yang berstatus kahwin bantuan akan dihulurkan sebanyak B\$250.00 sebulan dan B\$50.00 sebulan bagi setiap tanggungan termasuk suami atau isteri dan anak sehingga empat (4) orang anak sahaja yang berumur di bawah 18 tahun dan tidak menerima sebarang elaun dari Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam seperti elaun penuntut, dan elaun-elaun kebajikan dari KKBS atau Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB). Permohonan bagi mendapatkan bantuan ini hanya akan dipohonkan oleh sama ada ibu atau bapa atau penjaga.
7. Bantuan ini dihulurkan untuk tempoh tiga (3) bulan bermula pada 1hb., September, 2021.
8. Bagi sebarang pertanyaan mengenai permohonan bantuan khas kewangan ini bolehlah menghubungi melalui emel [covid19.assistance@mofe.gov.bn](mailto:covid19.assistance@mofe.gov.bn) atau melalui pusat panggilan TAP ditalian 2382800 atau 2382929 bagi pertanyaan tatacara permohonan dan di talian 8191000 bagi Jabatan Perbendaharaan bagi pertanyaan pembayaran. Walaubagimanapun, pemohon akan dimaklumkan melalui *SMS notification* berkenaan dengan status permohonan dan pembayaran.
9. Akhir sekali, berikutan dengan tindakan interim yang dilaksanakan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, saya menyeru dan mengingatkan kepada peniaga-peniaga untuk tidak memberhentikan pekerja khususnya anak-anak tempatan dan



**SIARAN MEDIA**  
**Kementerian Kewangan dan Ekonomi**  
**Negara Brunei Darussalam**

bagi majikan untuk tidak menyalahgunakan kemudahan-kemudahan yang diberikan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

10. Berikut adalah tayangan video tatacara menghadapi permohonan **BANTUAN KEWANGAN KEPADA PEKERJA SEKTOR SWASTA YANG TERKESAN DARI PANDEMIK COVID-19 MELALUI SISTEM KEBAJIKAN NEGARA.**

Sekian Terima Kasih.